


20 TAHUN MEMPERKUKUH KESEDIAAN PENDANAAN

Sebagai penginsurans deposit, kami perlu memastikan ketersediaan dana yang mencukupi serta mekanisme pendanaan yang mantap bagi membolehkan pelaksanaan mandat secara efektif.¹ Sepanjang tempoh 20 tahun, PIDM telah memperkukuh rangka kerja pendanaannya secara progresif berlandaskan prinsip bahawa pembayar cukai tidak seharusnya menjadi sumber dana tetapan asas (*default*) ketika berlakunya intervensi dan resolusi institusi ahli. Bagi menyokong usaha ini, PIDM melaksanakan tiga peringkat sumber pendanaan yang merangkumi pendanaan dalaman, pasaran dan Kerajaan. Setiap peringkat ini diperkemas dari semasa ke semasa bagi memperkukuh daya tahannya di samping memastikan beban kewangan ke atas institusi ahli kekal pada paras yang munasabah dan boleh diurus.



Pendanaan Dalaman

PIDM membina dana dalaman melalui premium atau levi yang dibayar oleh institusi ahli, dan pendapatan pelaburan yang dijana selepas ditolak perbelanjaan operasi. Objektif utama pendanaan dalaman adalah untuk memastikan kecukupan sumber kewangan bagi menyokong operasi harian, serta membina rizab bagi memenuhi kewajipan yang timbul daripada potensi kegagalan institusi ahli.

Dana Sasaran

PIDM tidak berhasrat untuk menampung sepenuhnya potensi pendedahan kewangan hanya melalui kutipan premium atau levi berkala daripada institusi ahli. Sebaliknya, PIDM mewujudkan Dana Sasaran yang ditentukan melalui gabungan metodologi statistik serta pertimbangan budi bicara bagi membina tahap dana perlindungan yang munasabah daripada industri ketika keadaan ekonomi yang stabil, bagi membiayai pelaksanaan intervensi serta resolusi institusi.

Sejak rangka kerja Dana Sasaran diperkenalkan pada tahun 2011, paras Dana Sasaran bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit dan Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans telah disemak secara berkala bagi memastikan model serta andaian asasnya kekal relevan. Jajaran sasaran bagi kedua-dua Dana Insurans Deposit² ditetapkan antara 1.5% hingga 1.8% daripada Jumlah Deposit Diinsuranskan. Bagi keempat-empat Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans³ pula, jajaran sasaran ditetapkan antara 0.3% hingga 1.0% daripada jumlah liabiliti takaful atau insurans. Gambar rajah berikut menunjukkan ilustrasi paras semasa dana terkumpul bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit dan Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans berbanding jajaran Dana Sasaran masing-masing.⁴


¹ Core Principles for Effective Deposit Insurance Systems oleh International Association of Deposit Insurers (IADI)

² Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional dan Islam

³ Dana Perlindungan Insurans Am, Dana Perlindungan Takaful Am, Dana Perlindungan Insurans Hayat dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga

⁴ Jumlah Deposit Diinsuranskan yang dipaparkan merujuk kepada jumlah keseluruhan industri setakat 31 Disember 2024, selaras dengan penyerahan tahunan Penyata Jumlah Deposit Diinsuranskan. Jumlah liabiliti takaful dan insurans pula merujuk kepada agregat keseluruhan industri setakat 31 Disember 2024, berdasarkan borang pelaporan di bawah Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Penginsurans dan Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Pengendali Takaful yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia


Dana terkumpul dan paras dana sasaran



Memperkukuh Rangka Kerja Kutipan dalam Persekitaran Operasi Kekal Berkembang

Dalam usaha mencapai paras Dana Sasaran, PIDM terus menjalankan semakan berkala dan memperkukuh komponen rangka kerja kutipan premium dan levi bagi menyokong penyediaan dana yang konsisten dan berterusan. Langkah-langkah ini bertujuan memastikan keseimbangan yang berhemat antara penentuan kadar premium dan levi di bawah mekanisme insentif, dengan keperluan membangunkan dana secara progresif sehingga mencapai paras Dana Sasaran masing-masing.

Komponen Rangka Kerja Kutipan Dana Dalam



Penambahbaikan utama terkini terhadap komponen kutipan premium dan levi adalah seperti berikut:⁵

- pengukuhan Rangka Kerja Sistem Premium Berbeza dan Rangka Kerja Sistem Levi Berbeza bagi menyediakan insentif yang lebih mantap ke arah pengukuhan amalan pengurusan risiko serta peningkatan tahap kebolehelesaian institusi ahli;⁶
- semakan semula asas penilaian levi agar selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standard – MFRS*) 17: Kontrak Insurans bagi mencerminkan pendedahan risiko dengan lebih tepat di samping mengurangkan pertindanan pelaporan; dan
- pelaksanaan pelarasan berperingkat terhadap kadar premium asas Sistem Premium Berbeza dalam tempoh tiga tahun bermula Tahun Taksiran 2026 dan seterusnya (rujuk jadual di bawah), memandangkan paras dana Kumpulan Dana Insurans Deposit masih berada di bawah paras Dana Sasaran berbanding Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Pelarasan ini dijangka dapat mempercepat tempoh pencapaian jajaran bawah dan atas Dana Sasaran dalam tempoh 8 hingga 11 tahun berbanding 10 hingga 13 tahun.

Kadar Premium Asas

Gred Risiko	Kadar Premium Asas			
	Tahun Taksiran 2025	Tahun Taksiran 2026	Tahun Taksiran 2027	Tahun Taksiran 2028 dan ke atas
1	0.060%	0.060%	0.065%	0.075%
2	0.120%	0.130%	0.140%	0.150%
3	0.240%	0.260%	0.280%	0.300%
4	0.480%	0.520%	0.560%	0.600%

⁵ Penambahbaikan terhadap Rangka Kerja Sistem Levi Berbeza dan asas penilaian levi berkuat kuasa bermula Tahun Taksiran 2026

⁶ Rujuk rajah Penambahbaikan Rangka Kerja Sistem Premium Berbeza dan Rangka Kerja Sistem Levi Berbeza di halaman 33

Pendanaan Pasaran: Aset Kecairan Lebih Pantas

Seiring usaha mencapai paras Dana Sasaran, PIDM berupaya mengakses pendanaan pasaran apabila diperlukan, khususnya dalam keadaan dana perlindungan berkaitan mungkin tidak mencukupi untuk memenuhi kewajipan kecairan.

Berdasarkan pengalaman resolusi bank yang lalu serta mengambil kira keperluan untuk menggerakkan kecairan dengan segera, PIDM akan menubuhkan program Pasaran Modal Hutang pada tahun 2026, dengan terbitan sulung akan dilaksanakan tertakluk kepada keadaan pasaran. Terbitan sulung ini akan dikekalkan pada nilai nominal dan bertujuan untuk memulakan program serta mewujudkan satu saluran pendanaan sentiasa tersedia. Langkah ini membolehkan PIDM mengakses pendanaan dengan segera daripada program tersebut sekiranya diperlukan semasa aktiviti intervensi dan resolusi institusi ahli, sekali gus menyediakan akses segera kepada pendanaan pasaran serta meningkatkan keupayaan PIDM untuk mendapatkan dana secara cekap ketika berlaku tekanan kewangan.

Langkah persediaan awal ini diambil dalam persekitaran sistem kewangan yang stabil ketika ini dan menandakan kemajuan signifikan dalam tahap kesediaan pendanaan PIDM. Inisiatif ini dapat mewujudkan sumber kecairan yang lebih pelbagai serta meningkatkan ketangkasan PIDM untuk bertindak balas dengan pantas dalam situasi yang memerlukan.

Pendanaan Kerajaan: Mekanisme Sokongan Kestabilan

Keutamaan PIDM adalah untuk memanfaatkan sumber pendanaan dalaman serta akses kepada pendanaan pasaran, manakala pendanaan Kerajaan berperanan sebagai mekanisme sokongan sekiranya keperluan timbul. Di bawah Aktanya, PIDM diberi kuasa untuk membuat pinjaman daripada Kerajaan bagi memenuhi kewajipan mandatnya. Sebarang pinjaman adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditentukan oleh Menteri Kewangan.

Kesimpulan

Melalui pendekatan berfasa dan progresif, PIDM telah memperkukuh komponen asas pendanaan merentasi ketiga-tiga peringkat sumber dana. Sepanjang dua puluh tahun yang lalu, tahap kesediaan pendanaan PIDM telah berkembang kepada kapasiti kewangan yang lebih mantap, asas pendanaan yang lebih pelbagai serta ketangkasan operasi yang dipertingkatkan. Pencapaian ini mencerminkan pertumbuhan yang teratur dan berdisiplin selama dua dekad, sekali gus menegaskan komitmen PIDM untuk mengekalkan rangka kerja pendanaan yang teguh bagi menyokong kesediaan resolusi serta memperkukuh daya tahan sistem kewangan negara.